

UMS ejen kecemerlangan pendidikan

UM 11.2.2015 30

Oleh **SITI NOR AZIZAH TALATA**

pengarang@utusan.com.my

■ **KOTA KINABALU 10 FEB.**

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) bersiap sedia dalam 'menjunjung' amanah meningkatkan kualiti pengajian tinggi negara menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pengajian Tinggi (PPPM-PT) 2015-2025 yang kini sedang dibangunkan Kementerian Pendidikan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, hal berhubung penambahbaikan secara berterusan adalah diperlukan bagi memastikan mutu pendidikan negara setanding dengan pendidikan negara-negara maju.

"UMS perlu memainkan peranan sebagai ejen transformasi barisan hadapan untuk memastikan kecemerlangan pendidikan negara.

"Sehubungan itu, UMS sentiasa komited, bersiap siaga dalam menjunjung amanah mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi negara," katanya dalam ucapan sempena majlis Sesi Pendengaran Awam di Bangunan Dewan Canselor UMS di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi.

Tambah beliau, sebagai langkah pertama, sesi-sesi penerangan kepada semua warga UMS akan diada-



UMS perlu memainkan peranan sebagai ejen transformasi barisan hadapan untuk memastikan kecemerlangan pendidikan negara."

DR. MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

kan sebaik sahaja PPPM-PT dilancarkan; bertujuan meningkatkan kefahaman warga UMS.

"Pelan Strategik UMS juga akan disemak semula untuk mengambil kira lonjakan, inisiatif dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditekankan dalam PPPM-PT," jelasnya.